

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]
TARIKH : 26 Mei 2016 (Khamis)
SOALAN : Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kementerian dalam usaha memastikan pesawah-pesawah yang terjejas teruk akibat fenomena El-Nino dibela.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Fenomena El-Nino yang sedang melanda negara telah memberi kesan terhadap sektor pertanian. Pada masa ini, Kementerian melalui kerjasama Jabatan dan Agensi sedang menjalankan pemantauan dan banciaan terhadap kawasan-kawasan yang terjejas. Anggaran kasar kerugian hasil padi di negeri-negeri yang terjejas akibat kemarau sehingga kini direkodkan adalah sebanyak RM474,747.00 melibatkan seramai 116 orang. Manakala anggaran nilai kerugian di Negeri Kedah adalah sebanyak RM215,397.00 melibatkan 61 orang. Di kawasan Muda, tiada anggaran kerugian direkodkan memandangkan aktiviti penanaman baru bermula dan mengikut jadual.

Bagi mengurangkan kesan El-Nino, antara langkah yang telah dilaksanakan bagi subsektor tanaman padi adalah penjadualan semula penanaman padi di kawasan yang terjejas akibat El-Nino serta memastikan sumber air mencukupi sebelum penanaman padi dimulakan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga akan mempertimbangkan bantuan ihsan kepada pesawah yang mengalami kerugian hasil pertanian akibat bencana seperti El-Nino di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan (TBBA).

SOALAN (42)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 26 MEI 2016
[KHAMIS]
DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]

SOALAN :-

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian akan memastikan pengasingan sampah dari sumber dapat dilaksanakan dengan sempurna memandangkan kebanyakan orang ramai tidak mempunyai pengetahuan yang secukupnya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini masyarakat menyambut baik seruan Kerajaan untuk melaksanakan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca kerana menyedari bahawa pelaksanaan ini adalah satu keperluan untuk masa hadapan negara.

Semakan juga telah dijalankan ke atas premis-premis bertanah di seluruh negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] bagi memastikan masyarakat benar-benar memahami dan melaksanakannya. Menerusi program "engagement" yang dijalankan di lapangan, daripada **205,725** premis bertanah yang telah diperiksa sepanjang September 2015 sehingga 30 April 2016, sebanyak **59,250 Surat Peringatan Mesra** telah dikeluarkan kepada mereka yang tidak melaksanakan pengasingan sisa pepejal.

Selaras dengan itu, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan terus memperkasakan program dan kempen dalam meningkatkan kesedaran masyarakat untuk mengasingkan sisa pepejal menerusi program-program seperti promosi dan hebahan, pendidikan dan kesedaran awam, fasiliti dan logistik serta penguatkuasaan undang-undang.

Dalam memastikan masyarakat mendapat maklumat yang jelas berhubung penguatkuasaan ini dan melaksanakan kaedah pengasingan sisa pepejal yang betul, pelaksanaan promosi dan hebahan yang telah dijalankan melibatkan media elektronik dan media cetak adalah seperti berikut:-

- (i) Pengiklanan di tujuh (7) buah stesyen radio pelbagai bahasa;
- (ii) Pengiklanan di empat (4) stesyen televisyen;
- (iii) Pengiklanan di *Billboard* 15 buah lokasi;
- (iv) Pengiklanan di *Bus Wrapping* di Putrajaya;
- (v) Penyiaran iklan di Pawagam MBO;
- (vi) Pengiklanan di dua (2) buah akhbar dalam ruangan *blurb*; dan

- (vii) Hebahan menggunakan media sosial dari semasa ke semasa menerusi saluran seperti *instagram, twitter, facebook, youtube* dan portal.

Manakala bagi pelaksanaan promosi dan hebahan yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) Pengiklanan luar (*LRT wrapping*) di laluan Kelana Jaya;
- (ii) Pengiklanan luar (*Bus wrapping*) di Bas Nadi Putra;
- (iii) Pengiklanan luar (*Bus wrapping*) di Bas Rapid KL;
- (iv) Pengiklanan luar (*Coaster wrapping*) di Coaster SWCorp;
- (v) Pengiklanan luar di kenderaan pacuan empat roda Isuzu D-Max SWCorp;
- (vi) Pengiklanan luar (*Taxi wrapping*) di teksi *i-cab* sekitar Lembah Klang; dan
- (vii) Pemasangan pelekat di lif-lif kediaman bertingkat.

Selain daripada itu, program pendidikan dan kesedaran terus diperkasa melibatkan Kerajaan Negeri dengan memberi taklimat dan penerangan kepada pihak yang berkepentingan meliputi perkara-perkara berikut:-

- (i) Ceramah dan pendidikan secara teori serta praktikal;
- (ii) Hebahan maklumat berhubung panduan dan kaedah Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca dalam bentuk edaran risalah;
- (iii) Penubuhan Kelab Kitar Semula di peringkat sekolah rendah dan menengah;
- (iv) Program Komuniti 3R;
- (v) Program *Green Campus*;
- (vi) Pelaksanaan 41 kolaborasi strategik dengan Kementerian, agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), agensi penyelidikan dalam dan luar Negara; dan
- (vii) Pemeraksanaan program-program *engagement* bersama masyarakat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
TARIKH : 26.5.2016
SOALAN : NO. 43

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) usaha Kementerian dalam membantu Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi membangunkan aset tanah yang berpotensi untuk aktiviti komersial yang boleh memberikan pendapatan tambahan kepada UA bagi menampung operasi universiti; dan
- (b) pecahan jumlah aset tanah 20 universiti awam yang berpotensi dibangunkan atas nilai komersial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif bagi membangunkan aset tanah yang berpotensi untuk aktiviti komersial yang boleh memberikan pendapatan tambahan kepada Universiti Awam (UA) telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) di bawah Lonjakan 5 iaitu Kemampuan Kewangan bagi menampung operasi UA.

Tindakan susulan juga telah diadakan dengan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) bagi mendapatkan maklumat dan kerjasama jabatan tersebut bagi memudahkan pembangunan aktiviti tanah secara komersial.

Setiap UA juga disarankan supaya sentiasa mengenal pasti status dan potensi tanah UA yang boleh dibangunkan dan melaporkan prestasi pembangunan aset tanah UA untuk aktiviti komersial secara berkala kepada Kementerian.